



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas-Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [City Campus Carnival 2012 platform lahir ramai graduan keusahawanan](#)

City Campus Carnival 2012 platform lahir ramai graduan keusahawanan



PROGRAM City Campus Carnival 2012 anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah medium terpenting bagi membudayakan keusahawanan di kalangan graduan untuk menceburi bidang tersebut sebelum menempuh alam pekerjaan.

Ketua Pengarah Program, Satish Kumar AL Velayuthan, berkata, program ini merupakan platform terbaik bagi berkongsi pengalaman dan memberi banyak manfaat kepada para pelajar melalui pelbagai aktiviti menarik yang telah disusun sepanjang program berkenaan.

Beliau berkata, tiga teras utama ini adalah untuk membudayakan keusahawanan di kalangan para pelajar UMK supaya selari dengan misi universiti sebagai sebuah universiti keusahawanan.

"Karnival ini merupakan satu latihan untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran berniaga bagi meningkatkan kompetensi usahawan.

Selain itu, dapat memberi latihan kemahiran dan perniagaan yang baik kepada para pelajar dalam dunia keusahawanan," katanya.

Sementara itu, Satish Kumar berkata, asas kemahiran dan pengalaman yang berbentuk latihan amali ini diharap dapat digunakan bagi mengusahakan perniagaan sendiri kelak untuk menjamin masa hadapan diri dan keluarga yang lebih terjamin.



Menurut beliau juga, program ini dianjurkan untuk memupuk semangat kerjasama antara ahli pasukan dan meningkatkan kemahiran komunikasi kepada para pelajar sebagai persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan.

"Melalui kerjasama berkumpulan, mereka dapat berkongsi maklumat yang berkesan tentang perniagaan seperti kaedah pemasaran produk, mengenali pembekal dan target pembeli produk untuk meluaskan lagi jalinan perniagaan dan kemahiran menyakinkan para pembeli untuk membeli produk serta mengenalpasti kehendak pelanggan.

Selain menyediakan 25 gerai jualan dan pameran, terdapat juga pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang karnival ini berlangsung bermula pada 13 hingga 15 Disember 2012.





Bilangan Pelawat :
300408

- [Penafian](#)
- |
- [Dasar Privasi](#)
- |
- [Dasar Keselamatan](#)
- |
- [Soalan Lazim](#)
- |
- [Hubungi Kami](#)
- |
- [Bantuan](#)
- |
- [Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 19/12/2012, 02:52:08.